

31 JUL 1997

Pahlawan

MASYARAKAT KURANG HAYATI HARI PAHLAWAN, KATA BEKAS-BEKAS PERAJURIT

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Bekas-bekas perajurit tanah air mahu masyarakat khususnya golongan muda supaya menghayati Hari Pahlawan yang disambut setiap tahun.

Mereka mencadangkan supaya acara bertakafur sejenak diadakan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi sebelum sesi pembelajaran diadakan bagi memperingati pahlawan yang terkorban demi mempertahankan negara.

Haji Ahmad Mansor, 65, yang pernah bertugas dengan tentera British selama 10 tahun sebelum memasuki Pasukan Semboyan, Angkatan Tentera Malaysia berkata beliau sedih melihat anak muda sekarang kurang memberi perhatian kepada perjuangan pasukan keselamatan menjaga keamanan negara.

"Memang wajar kita mengingatkan golongan muda terutama akan khidmat pasukan keselamatan yang bergadai nyawa mempertahankan negara.

"Sebagai orang tua, saya sedih perjuangan seperti ini tidak mendapat tempat di hati anak muda sekarang," katanya ketika ditemui selepas menghadiri upacara meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara sempena Hari Pahlawan hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berangkat ke upacara itu dan kemudian meletakkan kalungan bunga.

Turut meletakkan kalungan bunga ialah ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Ismail Omar, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan Panglima tentera darat, laut dan udara.

Ahmad yang juga pegawai kebajikan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia turut mencadangkan supaya media memainkan peranan dalam mengingatkan orang ramai mengenai Hari Pahlawan.

Ketika ditanya apakah kebajikan pasukan keselamatan dijaga selepas mereka tamat berkhidmat, beliau berkata: "Kita bersyukur ketika senang dan sabar bila hadapi kesulitan."

Rakannya, Abdul Rahman Jabar, 54, yang juga pernah berkhidmat dengan tentera British selama lima tahun sebelum memasuki Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bersyukur kerana kerajaan memberi pengiktirafan kepada anggota tentera yang telah bersara.

Beliau turut mencadangkan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) membantu usaha memperingati Hari Pahlawan. -- BERNAMA

NZ FAZ